

11/08/2002

Pemuda cadang lebih ramai calon muda

KOTA BHARU: Pergerakan Pemuda akan menemui Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyatakan hasrat pergerakan itu menonjolkan lebih ramai calon muda dan berpotensi bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata Pemuda berharap dalam pertemuan itu akan membuahkan hasil dan mendapat pertimbangan presiden parti.

Katanya, hasrat itu selaras kehendak semasa bahawa golongan muda kini mahukan perubahan dilakukan pucuk pimpinan parti yang antara lain mengemukakan lebih ramai muka baru bertanding, khususnya calon di kalangan Pemuda.

"Kita mahukan sedikit ruang supaya Dr Mahathir mengetengahkan golongan muda berpotensi dan berwibawa supaya mereka diberi tempat sewajarnya sebagai calon pilihan raya umum nanti.

"Pemuda tidak mempunyai masalah dalam perkara ini dan sememangnya kita mempunyai ramai tokoh berwibawa boleh diketengahkan," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas mengadakan perjumpaan khas dengan Ahli Jawatan kuasa Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Bachok, di sini, malam semalam.

Hadir sama Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri, Mohd Rujhan Salleh dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno bahagian Bachok, Mohd Zin Yassin.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran Gerak Gempur Pemuda Umno bahagian Kuala Krai, Hishamuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Pemuda Pusat sedang mengatur tugas dan menyusun gerak kerja sebagai persediaan menghadapi pilihan raya.

Katanya, Jawatankuasa Pemuda Pusat sudah diarah turun ke semua bahagian di seluruh negara menemui pemimpin Pemuda.

"Secara peribadi, saya dan timbalan saya (Naib Ketua Pergerakan Pemuda) sudah membahagikan tugas dengan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzil dengan beliau memberi tumpuan di Kedah dan saya di Pahang manakala Exco Pemuda di beberapa negeri lain.

"Ketika ini kita sedang pergi ke bahagian untuk melihat secara dekat persiapan Pemuda bahagian termasuk (operasi) bilik gerakan, program penambahan ahli dan pendaftaran pengundi baru dengan memastikan kira-kira 680,000 menjadi penyokong Umno," katanya.

Ditanya persiapan dan semangat Pemuda Kelantan menghadapi pilihan raya umum akan datang, beliau berkata, ia menampakkan petanda positif dengan persiapan yang dilakukan kerana sudah ada perubahan.